

# Penyelidikan Berkenaan Pendidikan Seni di Malaysia, Singapura dan Indonesia

FUKUDA Takamasa,

Fakuluti Pendidikan, Yamaguchi Unirversiti

SASAKI Tsukasa

Universiti Pendidikan, Hokkaido, Kushiro

(Received September 28, 2001)

## Kandungan Keseluruhan

Saya telah melaksanakan penyelidikan mengenai kurikulum pendidikan seni yang dilihat berdasarkan kebudayaan masa kini dan tradisional di negara-negara Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Di Malaysia yang kini mengalami revolusi pendidikan, saya telah menjalankan pendidikan mengenai silibus kurikulum di Kementerian Pendidikan, Universiti Pendidikan, Fakulti Seni Lukis/Reka serta kandungan pelajaran. Terutamanya mengenai alat bahan mengajar dan silibus bagi guru di Maktab-maktab Perguruan yang telah diselidiki di 7 buah Maktab dari seluruh Malaysia. Penyelidikan praktikal pendidikan seni telah dilakukan di sekolah rendah dan sekolah menengah, manakala seni masa kini dan seni tradisional termasuk seni kraf telah di lakukan di Muzium-muzium yang terdapat Malaysia. Ini dapat dilihat dengan jelas bahawa kurikulum dan latihan praktikal di peringkat pendidikan adalah berkait rapat berdasarkan sumber-sumber yang telah dikumpulkan.

Manakala di Singapura juga telah dilakukan penyelidikan di Kementerian Pendidikan, penyeridikan alat bahan mengajar serta penyelidikan terhadap buku-buku pendidikan seni di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Di NIE (National Institut of Education) ini, saya telah menyelidiki sistem latihan guru, kandungan alat bahan mengajar dan kurikulum pendidikan seni. Data-data mengenai kebudayaan seni di

Singapura dan negara-negara Asean telah saya perolehi dari Muzium Singapura dan kolej seni. Di peringkat sekolah rendah dan menengah pula, penyelidikan juga dilakukan mengenai pendidikan seni, latihan praktikal pendidikan maklumat serta penyelidikan alat bahan mengajar.

Penyelidikan ini bersambung di Indonesia, juga di Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia mengenai kurikulum pendidikan seni, penyelidikan terhadap silibus juga dilakukan di Universitas Pendidikan dan Fakulti Seni. Pada masa yang sama juga penyelidikan seni masa kini dan seni tradisional yang dilihat dari aspek alat bahan mengajar di dilakukan.

## 1 Objektif Penyelidikan

Negara-negara Asia berkembang sebagai sebuah negara berbilang bangsa diakhir abad ke-21. Negara-negara Asia terbentuk dengan mengutamakan kestabilan politik dan perkembangan ekonomi. Negara-negara ini menerima pengaruh modenisasi perkembangan ekonomi dari negara-negara Eropah seterusnya penerimaan pengaruh berkaitan dengan kebudayaan dan pendidikan seni. Di sebabkan penyerapan reka bentuk 'International Style' telah tersebar luas, kebudayaan tradisional dan ciri-ciri bangsa makin ditinggalkan. Berdasarkan keadaan ini seni kraf tradisional sepatutnya dikekalkan. Pembaharuan pendidikan Jepun ada menyatakan bahawa, pendidikan seni Jepun mestilah memahami dan memberi perhatian kepada kebudayaan seni Negara-negara Asia. Memikirkan masalah pendidikan seni di Jepun, dan untuk memperlengkapkan serta memperkembangkan lagi kebudayaan seni ini, kami merasakan perlu membuat kajian mengenai Kurikulum Pendidikan Seni di Negara-negara Asia. Dengan ini, bukan sahaja berguna untuk ilmu pendidikan seni di sini, malahan berguna untuk pendidikan dalam memahami kelainan budaya dan juga pendidikan mengenai keharmonian.

Penyelidikan kurikulum pendidikan ini adalah lebih menekankan kepada kajian di negara-negara Asia Tenggara iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan berbilang kebudayaan. Kajian ini meliputi kajian pendidikan di sekolah rendah dan menengah, yang menjadikan kurikulum, alat bahan mengajar serta buku teks yang mengandungi asas seni budaya tradisional dan seni budaya masa kini sebagai teras, dan juga kajian kurikulum pendidikan seni di peringkat Pengajian Tinggi. Di 3 buah negara ini, terdapat kepelbagaiannya bangsa serta kebudayaan, dan berbeza dari segi geografi, keadaan ekonomi. Namun begitu, seni kebudayaan ini ada juga mengekalkan kepelbagian ciri-ciri dan kesamaan.

Kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengekalkan kebudayaan tradisional, meskipun dalam kehidupan hari ini banyak menerima gaya pengaruh dari barat dan lebih mementingkan teknologi maklumat.

## 2 Kandungan Kajian

Kajian ini berlangsung selama 3 tahun dari 1998-2000. Kajian ini adalah berdasarkan kesinambungan daripada kajian sebelum ini di Singapura dan Indonesia. 3 buah negara ini, telah melakukan perubahan yang mendadak terhadap kurikulum pendidikan dalam usaha memperkembangkan lagi ekonomi masing-masing. Dan kami memikirkan bahawa, dengan memperlengkapkan lagi kurikulum pendidikan seni akan lebih memberi sumbangan terhadap ketamadunan masyarakat.

Di dalam kajian ini, kami memperolehi isi kandungan bahan kurikulum, silibus, serta melakukan penyelidikan berhadap praktikal pendidikan, dan juga memahami sistem pendidikan guru seterusnya memahami seni kebudayaan tradisional dan masa kini.

## 3 Pendidikan Seni Di Malaysia

Antara tahun 1998 sehingga tahun 2000, kami telah memperolehi maklumat berkenaan silibus dan kurikulum berkaitan pendidikan masa kini dari Pusat Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan. Kurikulum dan silibus ini, walaupun tidak mengalami perubahan besar dari tahun 1996, tetapi, secara keseluruhannya lebih cenderung ke arah pendidikan berteknologi maklumat. Di peringkat sekolah rendah, lebih menekankan kepada perkembangan insan seluruhnya dan meningkatkan lagi kemampuan pelajar berdasarkan "7 pintar". Berkenaan dengan nama mata pelajaran juga, Kementerian Pendidikan Malaysia merancang untuk menukarkannya dari Pendidikan Seni kepada Pendidikan Seni Tampak, iaitu pendidikan yang lebih menekankan kepada pendidikan secara visual.

Kajian silibus dan kurikulum mengenai Latihan Pendidikan Guru pula telah dilakukan di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang, Maktab Perguruan Kota Bharu, Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Maktab Perguruan Gaya, Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim dan Maktab Perguruan Batu Lintang. Kajian kurikulum latihan pendidikan guru di peringkat Pengajian Tinggi pula, kami telah melakukannya di Universiti Teknologi MARA Shah Alam dan Universiti Sains Malaysia. Dan data-data mengenai kurikulum ini, kami telah

mendapatkannya dari Pusat Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara dasarnya, keseluruhan kurikulum di maktab-maktab perguruan ini adalah selaras di seluruh negara, maka Asas Dinamika Guru, Pengetahuan & Ketrampilan Iktisas dan juga Praktium adalah di wajibkan untuk semua guru. Namun begitu, keistimewaan kebudayaan tradisional tempatan di Negeri Pantai Timur dan Sabah Sarawak juga digunakan sebagai salah satu sumber kepada pendidikan seni.

Berkenaan dengan bidang lukisan pula, setiap maktab perguruan mementingkan teknik, motif dan gambar sebagai alat bahan. Terdapat juga pensyarah yang membuat kelainan dengan meniru lukisan dari Eropah sebagai salah satu teknik pengajaran. Manakala dalam bidang reka bentuk pula, reka bentuk visual komunikasi, reka bentuk di persekitaran sekolah dan reka bentuk kraftangan di jadikan sebagai subjek. Penghasilan folio sebagai bahan yang di wajibkan sebagai salah satu cara mengajar diperlukan untuk melakukan proses pemilihan tema, membuat pemilihan terhadap bahan, mengumpul maklumat dan idea, melakukan percubaan, pertimbangan cara persembahan dan lakaran siap yang menjadikan kurikulum pendidikan seni lebih efektif.

Menurut pembaharuan pendidikan, setiap maktab perguruan mementingkan guru-guru di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, Pendidikan Seni juga, melihat dari segi penyuburan diri pelajar, selaras dengan mata pelajaran lain yang inginkan pelajar memiliki ciri-ciri "7 pintar ruang" sebagai satu kurikulum baru.

Pada masa kini, latihan pendidikan guru di peringkat sekolah menengah seperti yang dinyatakan sebelum ini, dijalankan oleh UPSI dan UiTM, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah di ubah dari maktab perguruan, dalam usaha melahirkan guru-guru yang lebih tinggi kualitinya, di mana latihan dan pengajaran dijalankan selama 4 tahun. Di dalam bidang seni, UPSI kini memberi latihan pengajian kepada bakal-bakal guru di peringkat sekolah menengah juga kepada ahli-ahli seni, designer, craftman dan lain-lain. Di UiTM dan fakulti seni di USM menyediakan pendidikan kepada ahli-ahli seni, namun begitu, ianya juga memberi sumbangan besar terhadap latihan pendidikan guru.

Fakulti Pendidikan Seni dan kraf di UPSI dan Maktab Perguruan mempunyai 2 misi, iaitu, melahirkan guru-guru berijazah. Selepas memperolehi ijazah di dalam bidang tersebut, mereka-mereka ini boleh meneruskan profesion sebagai guru atau lain-lain. Manakala peranan kedua pula ialah menjadi pusat KPLI(Kursus Perguruan Lepas Ijazah). Di mana, kedua-dua universiti ini, mengumpulkan guru-guru dari setiap kawasan seluruh negara dan mengadakan pendidikan berkenaan alam sekitar, masalah pendidikan

masa kini dan juga menguasai komputer dalam menghadapi peredaran zaman teknologi yang semakin pesat. Oleh itu kepentingan 27 buah maktab perguruan yang terdapat di seluruh negara adalah untuk meninggi taraf para pendidik. Kurikulum pendidikan seni di sekolah rendah dan menengah di Malaysia di jalankan berdasarkan kurikulum silibus yang di keluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Meskipun faktor kemanusiaan, kemudahan asas adalah berbeza di kampung dan di bandar, namun pendidikan seni mementingkan apresiasi dan pemahaman terhadap seni tradisional dan kraf. Juga merekacipta ciptaan atau rekaan yang berkaitan dengan kehidupan dalam menggalakkan kehidupan yang kreatif. Dengan menggunakan alat bahan yang sistematik berkait dengan batik, wau bulan dan juga seni tembikar. Di Malaysia, pencampuran kebudayaan seni tradisional Melayu, Cina dan India, termasuk, reka bentuk dan motif, sesuai dengan Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Ini berbeza dengan Singapura yang memberi penghayatan pendidikan seni secara terus, iaitu pendidikan yang melihat kepada perbezaan seni setiap bangsa. Walaupun terdapat lukisan-lukisan yang bercirikan Eropah, terutamanya di Pulau Pinang, tetapi dalam pendidikan seni tidak meniru seni tersebut, begitu juga dengan seni lukis Cina yang berdasarkan cat air tidak di gunakan secara langsung. Pendidikan sekolah di dalam pendidikan seni lebih ke arah mementingkan teknik, skill dan juga pengetahuan sebagai asas pendidikan seni. Melihat kepada kandungan peperiksaan di Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah, lebih cenderung kepada penguasaan teknik dan pengetahuan asas seni dalam melahirkan masyarakat yang dapat memberi sumbangan terhadap budaya bangsa.

Seni keadaan masa kini dan seni kebudayaan tradisional yang menjadi asas kepada pendidikan seni di Malaysia, masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri, dan berterusan, bagi kedua-duanya dari segi alat bahan mengajar juga terdapat keseimbangan.

Perkembangan kebudayaan masa kini bermula dari abad ke-20, dan mempunyai pengaruh besar ekoran perkembangan seni Eropah. Pada masa itu kebanyakan pelajar Malaysia memperolehi ijazah seni daripada Nanyang Academy of Fine Art dan bergiat aktif di Malaysia. Dan pada masa yang sama juga, seni lukis di Malaysia dipengaruhi, oleh teknik lukisan Cina yang berdasarkan air. Sekarang ini, perkembangan pesat terhadap seni berlaku dengan cepat di sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka, ini adalah kerana, sekitar akhir abad ke-20, pertambahan pelajar Malaysia ke luar negara telah memberi sumbangan dalam proses ini. Seni kraf yang dilihat sebagai seni

tradisional, mempunyai fungsi sebagai seni hiasan dan juga kegunaan biasa telah tersebar di seluruh Malaysia. Terutamanya, di negeri-negeri Pantai Timur di Malaysia, khususnya Kelantan yang masih menjalankan kegiatan seni dan kraf tradisional secara aktif, ianya juga digunakan sebagai alat bahan mengajar dalam usaha mengekal dan meneruskan kebudayaan tradisional.

#### 4 Pendidikan Seni di Singapura

Silibus kurikulum pendidikan Singapura adalah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura. Kini, Kementerian Pendidikan Singapura telah mengalami perubahan organisasi, dan Pusat Perkembangan Kurikulum Singapura yang menerbitkan silibus dan buku teks telah ditukarkan kepada Division Peranangan dan Perkembangan Kurikulum Singapura. Penyelidikan kami ini, meneruskan hubungan dengan division dan ini memudahkan kami dalam memperolehi setiap maklumat baru. Objektif pendidikan seni adalah untuk lebih memahami kebudayaan negara, negara-negara Asia dan juga kebudayaan dunia. Alat bahan mengajar juga tidak mengalami perubahan yang begitu besar dan masih mementingkan kekreatifan, teknik persembahan dan juga kesedaran terhadap menyedari kewujudan seni di dalam kehidupan. Serta apresiasi, mencintai dan menjaga seni bangsa.

Lukisan, design, project work dan apresiasi dijadikan sebagai struktur alat bahan mengajar. Walaupun begitu, pihak sekolah cuba untuk menyerapkan penggunaan komputer di dalam pembelajaran sebanyak 25%, walaupun terdapat masalah dari segi kekurangan kelengkapan dan guru berkemahiran dalam bidang ini, namun, beberapa buah sekolah telah dipilih dan dilengkapkan dengan peralatan ini, sebagai percubaan. Dalam masa yang sama juga, latihan komputer ini juga diberikan kepada guru-guru. Penggunaan komputer ini, khususnya dalam pelajaran reka bentuk. Ini membolehkan mereka memperolehi gambar dari komputer dan dapat mengaplikasikan dalam pendidikan apresiasi.

Latihan Pendidikan Guru kini, hanya dijalankan di National Institut of Education di Nanyang Technological University. Di samping latihan guru juga menjadi pusat penyelidikan guru-guru, serta pusat penyelidikan bagi subjek pendidikan, pendidikan jasmani dan teknologi, kebudayaan dan sains dalam usaha meninggikan taraf guru. Secara terperincinya adalah

- 1) memberikan pengetahuan dan teknik tertentu yang di perlukan terhadap pengurusan sekolah, kepada guru-guru dan pengetua.

- 2) memberi pendidikan akademik berkenaan dengan pendidikan , pendidikan jasmani, dan teknologi kebudayaan dan sains.
- 3) memberikan latihan pengajaran mengenai, pendidikan, pendidikan jasmani, teknologi kebudayaan dan sains serta yang berkaitan.
- 4) memberi pendidikan dan program khas mengenai politik dan kemasyarakatan.

Terdapat 5 bidang subjek di dalam kurikulum pendidikan seni iaitu, Education Studies, Curriculum Studies, Academic Studies, Practicum dan Language Environment and Academic Discourse Skill. Di Jepun subjek lukisan, arca, design dan kraf, serta subjek teori seni dan sejarah seni adalah di rangkumkan di dalam "Academic Studies". Tetapi di Singapura, teori seni dan sejalah seni dirangkumkan di dalam "Academic Studies" dan selebihnya di dalam "Curriculum Studies". Sistem di Singapura ini yang mewajibkan guru mendapat 10 unit dalam Praktikum, ini adalah kerana ianya mementingkan keupayaan diri seseorang dalam pendidikan. Pada pendapat saya ini adalah paling sesuai terhadap Sistem Latihan Pendidikan Guru.

Sebelum ini saya telah menulis laporan mengenai pendidikan seni di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kali ini saya akan menulis tentang struktur alat bahan mengajar yang berkaitan dengan pendidikan maklumat dan kurikulumnya. Pendidikan di Singapura, 25% adalah berdasar komputer. Ini adalah untuk mempelajari, memahirkan lagi dalam penguasaan operasi komputer. Kandungan utama pendidikan maklumat ini, adalah menguasai operasi komputer, termasuklah membuat gambar (grafik), melukis rajah, mencipta gambar berelektronik dan lain-lain subjek yang berkaitan dengan pendidikan seni. Buku teks juga telah diterbitkan sebagai alat bahan mengajar yang sistematik , di mana kandungannya adalah cara bagaimana memanipulasikan teknik hingga kepada pelajaran cara persembahan melalui komputer. Tujuan mata pelajaran ini adalah untuk menguasai skill dan aplikasi terhadap operasi komputer. Di peringkat sekolah rendah dan menengah pula komputer digunakan untuk subjek visual komunikasi. Di peringkat sekolah rendah, aplikasi yang mudah seperti reka bentuk poster sebagai alat latihan mengajar. Dalam bidang lukisan pula mereka telah membuat percubaan melukis lukisan Cina dengan menggunakan komputer. Walaupun subjek ini melihat dari segi kemahiran seseorang, dan semakin jauh dalam menggambarkan keadaan bahan asal, namun ini juga sebagai satu langkah atau teknik pengajaran kepada para pelajar yang tidak berkemahiran dalam lukisan.

Seterusnya adalah laporan mengenai keadaan budaya seni di Singapura yang menjadi panduan atau asas kepada Pendidikan Seni. Singapura yang juga mempunyai penduduk

berbilang bangsa, juga berusaha untuk mengekalkan bersama kebudayaan Melayu, Cina dan India. Melihat kepada populasi penduduk, mendapati bahawa populasi di Singapura di kuasai oleh kaum Cina sebanyak 78%, seterusnya Melayu 15% dan India 5%. Namun begitu saya merasakan pengekalan kebudayaan tradisional 3 bangsa ini adalah seimbang. Jika dilihat dari pencapaian perkembangan ekonomi yang pesat, persekitaran bandar telah mengalami modenisasi. Walaupun negara ini mengalami modenisasi yang pesat, namun kebudayaan tradisional bangsa masih dikekalkan. Pengekalan nilai seni di negara-negara Asia yang semakin mengalami kemodenisasi ini sepatutnya dilakukan oleh muzium dan galeri seni, institut pendidikan tinggi dan peringkat pendidikan sekolah-sekolah. Kebudayaan seni di Singapura dipelopori oleh orang perseorangan dan secara berkumpulan. Daripada hasil seni masa kini dan hasil seni tradisional yang dikeluarkan, Singapura cuba untuk menonjolkan seni negara sendiri. Hasil seni masa kini tidak sahaja menggambarkan ciri negara, malahan ianya juga banyak memasukkan seni Asia Tenggara dan Asia, secara keseluruhannya, ianya lebih cenderung ke arah menjaga nilai serta ciri-ciri seni Asia. Hasil seni tradisional pula, lebih banyak menerima pengaruh dari Cina dan tidak terhad kepada hasil seni lukisan malahan termasuk juga seni kraf.

Di peringkat pendidikan sekolah rendah dan menengah, dalam seni lukisan mereka diajar lukisan Cina, manakala seni kraf pula diajar melukis batik, membuat tembikar seni kayu dan sulaman sebagai subjek dari persepsi seni tradisional. Alat bahan mengajar masa kini, lebih kepada mengintegrasikan dan menganalisis visual language dan visual element, sebagai cara pengajaran pendidikan seni yang lebih elektif, dan cara ini adalah sama dengan sistem di Jepun sekarang. Dalam bidang apresiasi pula, seni budaya tradisional dan masa kini dijalankan secara seimbang. Khususnya, para pelajar diajarkan kepentingan alam sekitar dan komuniti dalam usaha meninggikan lagi tahap kesedaran mereka.

## 5 Pendidikan Seni di Indonesia.

Berdasarkan kurikulum pendidikan bersepadu yang sedia ada, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan cuba untuk meninggikan lagi pendidikan praktikal. Kesinambungan dari itu IKIP (Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan) mengalami perubahan organisasi, seperti IKIP Jakarta telah di tinggikan taraf menjadi Universitas Negeri Jakarta, IKIP Yogyakarta kepada Universitas Negeri Yogyakarta. Manakala IKIP Bandung menjadi Universitas Pendidikan Indonesia. Di kedua-dua Universitas Negeri ini terdapat 2

kursus, iaitu latihan pendidikan guru di dalam bidang seni dan kursus kemahiran kepada ahli seni.

Meskipun berlaku peningkatan peratusan dalam bilangan pelajar di peringkat sekolah rendah, tetapi di peringkat sekolah menengah bilangan pelajar tidak begitu ramai walaupun ianya adalah pendidikan wajib. Namun di bandar-bandar, para pelajar diajar latihan dalam mengembangkan kreativiti, latihan teknik dan juga latihan membuat kraftangan yang berkaitan dengan kehidupan. Di peringkat daerah pula masih tidak begitu berkembang kerana tidak terdapat banyak sumber.

Asas kebudayaan seni di Indonesia juga sama dengan Singapura dan Malaysia, iaitu menerima pengaruh daripada Eropah dan Amerika Syarikat terutamanya di dalam bidang lukisan. Berbanding dengan Negara Jepun, lukisan dan seni di Indonesia lebih banyak menggambarkan masalah sosial dan politikal negara itu sendiri. Di dalam pendidikan seni itu sendiri, lebih cenderung kepada seni atau kraf tradisional seperti seramik, seni kulit, seni kayu, dan seni logam yang semua kemudiannya adalah berkaitan dengan industri. Terutama di Sekolah Menengah Industri Kerajina dan Sekolah Menengah Seni Rupa. Di peringkat universiti pula, pendidikan seni design menggunakan komputer, dan pada masa yang sama, seni dan kebudayaan tradisional masih dikekalkan sehingga sekarang seperti seni tari dan pendidikan kraf juga dijalankan.

Di Indonesia, kini kurikulum pendidikan seni sedang mengalami perubahan pembaharuan dan saya merasakan kajian ini perlu dan penting untuk diteruskan.

## Penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Iberahim Bin Hassan, En. Hassan Mohod Ghazali, En. Zaidi Abdul Hamid, En. Baba Ahamad Bin Omar, Pn. Nafisa Bte Otheman, En. Michael Nelson, En. Mohod Yasin Ahamad, Pn. Lim Huey Khing, Ms. Lim Fong Lin, Miss Jane Leong Wai Yee yang telah banyak membantu dan memberikan maklumat dalam menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada saudari Asikin bt Abdul Rahman yang membantu dalam penterjemahan laporan ini.